**MINIT MESYUARAT**
**JAWATANKUASA KUALITI**
**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (JKK UPM)**
**KALI KE-37**

---

| | | |
|---|---|---|
| Tarikh | : | 14 Disember 2017 (Khamis) |
| Masa | : | 9.00 Pagi |
| Tempat | : | Dewan Senat, Tingkat 1, Bangunan Canselori Putra, Universiti Putra Malaysia (UPM) |
| Kehadiran | : | **Lampiran A** |

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| **Minit 37.0** | **Kata Aluan Pengerusi**<br><br>Pengerusi:<br><br>(a) memulakan mesyuarat dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan seterusnya merakamkan ucapan terima kasih atas kehadiran Timbalan Wakil Pengurusan (TWP) ISMS, TWP Peneraju Proses (PP) dan TWP Pusat Tanggung Jawab (PTJ) serta wakil yang hadir pada Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti Kali ke-37 ini; | **Makluman** |
| | (b) merakamkan ucapan tahniah kepada semua warga UPM atas kejayaan yang diperolehi pada tahun 2017 seperti berikut:<br><br>(i) penganugerahan kualiti iaitu Anugerah Kualiti SIRIM tahun 2017 pada 10 November 2017 bertempat di Hotel Grand Dorsett, Subang Jaya, Selangor. Anugerah Kualiti SIRIM merupakan anugerah tertinggi yang dipertandingkan oleh pihak SIRIM Berhad berdasarkan kriteria khusus yang telah ditetapkan. Anugerah yang mula diperkenalkan pada tahun 2013 ini bertujuan untuk mengiktiraf sesebuah organisasi/ agensi yang telah mencapai tahap kecemerlangan yang tinggi dalam Sistem Pengurusan Kualiti; dan<br><br>(ii) melepasi kesemua Audit SIRIM QAS Sdn. Bhd iaitu Audit Pemantauan Semakan 2 QMS MS ISO 9001:2015, Audit Pemantauan Semakan 2 ISMS MS ISO/IEC 27001:2013 dan Audit Pensijilan Semula EMS MS ISO 14001:2004. | **Makluman** |

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| | (c) turut merakamkan ucapan terima kasih kepada Dr. Haji Latif Anwar, mantan TWP Bahagian Keselamatan Universiti atas khidmat dan sumbangan beliau sepanjang menyandang jawatan berkenaan bermula 1 April 2013. Mesyuarat dimaklumkan beliau telah bersara wajib mulai 14 Disember 2017. | **Makluman** |
| **Minit 37.1** | **Pengesahan Minit Mesyuarat JKK Kali ke-35 dan Minit Mesyuarat JKK Kali ke-36 (Khas)** | |
| | Minit Mesyuarat JKK Kali ke-35 yang telah diadakan pada 26 Julai 2017 dan Minit Mesyuarat JKK Kali ke-36 (Khas) pada 10 Ogos 2017 disahkan tanpa sebarang pindaan. | **Makluman** |
| **Minit 37.2** | **Perkara-perkara Berbangkit** | |
| | Mesyuarat mengambil maklum dan meneliti Status Tindakan Susulan Mesyuarat JKK Kali ke-35 dan Mesyuarat JKK Kali ke-36 (Khas) seperti mana pada **Lampiran Agenda 3.0** yang telah dibentang. Mesyuarat seterusnya mengambil perhatian terhadap perkara berikut: | |
| | (a) Minit 35.3.1 (d) – mengambil maklum laporan pencapaian piagam pelanggan bagi skop Proses Utama, Sokongan dan Operasi Perkhidmatan Sokongan yang telah dipantau secara bulanan mulai Julai 2017 telah dimuatnaik ke Laman Sesawang UPM untuk rujukan. | **Makluman** |
| | Mesyuarat mengambil maklum masih terdapat dua (2) PTJ yang belum mempunyai piagam pelanggan tahun 2017 iaitu Pusat Pembangunan Akademik dan Pejabat Penasihat Undang-Undang. Justeru, mesyuarat meminta kedua-dua PTJ meneliti dan menyediakan piagam pelanggan berdasarkan keperluan pelanggan yang terlibat untuk PTJ masing-masing dan seterusnya dibawa untuk kelulusan mesyuarat di peringkat PTJ. | **TWP PPUU, TWP CADe** |
| | Mesyuarat turut meminta semua PTJ untuk meneliti kembali piagam pelanggan di PTJ masing-masing supaya:<br>• Jumlah piagam yang hendak diukur tidak terlalu banyak dan dicadangkan jumlah maksimum sebanyak enam (6) piagam pelanggan berdasarkan fungsi yang ada di PTJ; dan<br>• Piagam yang disediakan boleh diukur. | **Semua TWP PP, TWP PTJ** |

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
| --- | --- | --- |
| | (b) Minit 35.9.1 (b) – mengambil maklum dan bersetuju supaya penyelaras ISO dikekalkan di bawah tanggungjawab Ketua Bahagian, Bahagian Pengurusan Kualiti Perkhidmatan, Pusat Jaminan Kualiti (CQA). Cadangan lantikan Prof. Madya Dr. Noor Azman Ali sebagai TWP SPK sebelum ini telah diteliti semula dan dipersetujui dibatalkan berdasarkan justifikasi bebanan tugas sediaada yang digalas oleh beliau selaku Timbalan Pengarah, CQA. | **Makluman** |
| | (c) Minit 36 – mengambil maklum perkara berbangkit hasil Mesyuarat JKK ke-36 menfokuskan kepada tindakan dalam proses peralihan Standard MS ISO 9001:2008 kepada MS ISO 9001:2015 dimana semua tindakan dianggap selesai mengambilkira pelaksanaan Audit Pemantauan Semakan 2 oleh pihak SIRIM pada 11 hingga 26 September 2017. Bagaimanapun, bagi 32 cadangan tindakan penambahbaikan berdasarkan keperluan standard baharu, perkara ini masih dalam proses tindakan oleh peneraju proses yang terlibat dan akan dipantau pelaksanaannya pada tahun 2018. | **TWP PP, TWP PTJ yang terlibat** |
| **Minit 37.3** | **Laporan Dokumentasi**<br><br>Mesyuarat: | |
| | (a) mengambil maklum laporan statistik dan pengurusan dokumentasi ISO UPM tahun 2017 adalah sepertimana **Lampiran Agenda 4.0** yang dibentang. Statistik sehingga 8 Disember 2017 menunjukkan sebanyak 1530 dokumen digunapakai dalam Sistem Pengurusan ISO (e-ISO) UPM merangkumi tiga (3) ISO berikut iaitu:<br><br>(i) Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) MS ISO 9001:2015 sebanyak 1448 dokumen;<br>(ii) Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 sebanyak 51 dokumen; dan<br>(iii) Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS) MS ISO 14001:2004 sebanyak 31 dokumen. | **Makluman** |
| | (b) mengambil maklum berdasarkan Jadual Pelaksanaan Tindakan Kuatkuasa Dokumen ISO tahun 2017, terdapat tambahan tiga (3) tarikh kuatkuasa baharu berbanding perancangan asal menjadikan jumlah keseluruhan tarikh kuatkuasa dokumen tahun 2017 | **Makluman** |

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
| --- | --- | --- |
| | adalah sebanyak sembilan (9) kali kuatkuasa. Pertambahan ketiga - tiga tarikh kuatkuasa berkenaan adalah berdasarkan kepada keperluan pindaan segera oleh peneraju proses yang terlibat. Dari segi statistik pindaan dokumen ISO tahun 2017, QMS telah mencatatkan sebanyak 458 pindaan, ISMS mencatatkan sebanyak 24 pindaan dan EMS sebanyak 4 pindaan. | |
| | (c) mengambil perhatian terhadap beberapa isu berulang yang perlu ditambahbaik segera oleh peneraju proses berdasarkan kepada pelaksanaan kuatkuasa dokumen pada bulan Ogos, Oktober dan Disember 2017 sepertimana berikut:<br><br>(i) Dokumen ISO tidak mengikut format yang ditetapkan sebagaimana yang dinyatakan dalam Panduan Penyediaan/Pindaan Dokumen ISO yang dipautkan dalam portal e-ISO;<br><br>(ii) Huraian pindaan dokumen tidak mengikut format dan tidak selaras dengan perubahan dalam dokumen sebenar;<br><br>(iii) Penerimaan dokumen salinan keras melebihi tempoh masa yang ditetapkan dalam Jadual Tindakann Kuatkuasa Dokumen Sistem Pengurusan ISO UPM yang dipautkan dalam portal e-ISO;<br><br>(iv) Semakan dan pengesahan penyediaan dokumen di peringkat peneraju proses tidak disemak berdasarkan keperluan yang dinyatakan dalam Borang Cadangan Pindaan/Tambahan Dokumen (PGR/BR01/CPD) (kod dokumen, tajuk dokumen, ejaan, format dokumen, nama fail dokumen sama dengan tajuk dokumen dan pindaan dikemaskini dalam sistem secara atas talian (jika ada)); dan<br><br>(v) Dokumen salinan keras yang dihantar tidak lengkap (tiada tandatangan pegawai yang bertanggungjawab (PYB), tiada cap PYB, tidak menyatakan tarikh kelulusan dokumen dan mesyuarat mana yang meluluskan)). | **Semua TWP PP** |

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| | (d) meminta semua TWP PP dan Timbalan Pegawai Kawalan Dokumen Peneraju Proses melaksanakan proses pengurusan dokumentasi ISO berdasarkan keperluan berikut:<br><br>(i) Prosedur Pengurusan Dokumen ISO (UPM/PGR/P001);<br>(ii) Panduan Penyediaan/Pindaan Dokumen ISO (rujuk pautan pada Laman Sesawang e-ISO UPM); dan<br>(iii) Tarikh-tarikh penting yang dinyatakan dalam Takwim Tindakan Kuatkuasa Dokumen ISO (rujuk pautan pada Laman Sesawang e-ISO UPM). | **Semua TWP PP** |
| | (e) mengambil perhatian terhadap cadangan pengurangan dokumen ISO terutamanya dokumen QMS berdasarkan justifikasi ISO QMS yang disifatkan telah matang dari segi pelaksanaanya. Justeru, mesyuarat bersetuju satu jawatankuasa 'task force' dibentuk untuk meneliti cadangan pengurangan dan pemantapan dokumen ISO UPM untuk pelaksanaan tahun 2019 dengan mengambilkira perkara/cadangan berikut:<br><br>(i) Implikasi sekiranya tiada dokumen sebagai sumber rujukan kerja staf;<br>(ii) Memudahkan (simplify) prosedur sedia ada dengan hanya mengekalkan carta alir/proses terperinci sahaja;<br>(iii) Hanya mengekalkan Prosedur Operasi Standard (SOP) untuk rujukan di peringkat peneraju/PTJ;<br>(iv) Menggunakan pendekatan lean, orientasi berasaskan pengguna *(user based orientation*) dalam proses pemantapan dokumen. | **KBPKP CQA, PKD** |
| **Minit 37.4** | **Laporan Audit**<br><br>Mesyuarat: | |
| | (a) mengambil maklum Laporan Pemantauan Penemuan Audit Dalaman dan Audit Badan Pensijilan Sistem Pengurusan Kualiti (QMS), Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) dan Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS) UPM tahun 2017 adalah sepertimana **Lampiran Agenda 5.0** yang dibentang. Tarikh pelaksanaan audit dalaman/SIRIM tahun 2017 adalah seperti berikut: | **Makluman** |

| MINIT | AGENDA | | TINDAKAN |
|---|---|---|---|

| Audit | Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) ISO 9001:2015 | Keselamatan Maklumat (ISMS) ISO/IEC 27001:2013 | Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS) ISO 14001:2004 |
|---|---|---|---|
| Audit Dalaman | 10 - 14, 17 - 20 Julai 2017 | 5 - 8 Jun 2017 | 13 - 16 Jun 2017 |
| Audit Badan Pensijilan SIRIM | 11 - 15, 18 - 22 dan 25 - 26 September 2017<br><br>Penemuan:<br>3 NCR, 25 OFI | 6 September dan 2 - 3 Oktober 2017<br><br>Penemuan:<br>0 NCR, 8 OFI | 9 - 11 Oktober 2017<br><br>Penemuan:<br>0 NCR, 5 OFI |

(b) mengambil maklum pemantauan bagi penutupan penemuan audit dalaman dibuat secara berkala oleh pihak CQA melalui notifikasi emel dan pelaporan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti yang menjadi agenda mesyuarat dan status penutupan keseluruhan audit dalaman QMS, ISMS dan EMS boleh dirujuk dalam Portal Jaminan Kualiti (PortalCQA) di bawah pautan Audit Dalaman. — **Makluman**

(c) mengambil maklum pelan tindakan bagi tiga (3) Laporan Ketakakuran (NCR) dan satu (1) Laporan Peluang Penambahbaikan (OFI) bersyarat Audit SIRIM QMS 2017 telah dipersetujui oleh Ketua Juruaudit SIRIM pada tarikh 25 Oktober 2017 dan bukti tindakan akan dihantar pada 22 Disember 2017. — **Makluman**

(d) mengambil perhatian terdapat tiga (3) OFI Audit SIRIM QMS iaitu OFI-12, OFI-21 dan OFI-22 dan tiga (3) OFI Audit SIRIM EMS iaitu OFI-1, OFI-2 dan OFI-3 yang masih belum diberi maklum balas pelan tindakan oleh peneraju proses yang terlibat. Justeru, mesyuarat meminta supaya peneraju proses yang terlibat mengambil tindakan segera berkaitan perkara ini. — **TWP SPS, TWP BKU, PKPU, TWP Pej. Pendaftar, TWP PNC**

(e) mengambil maklum berdasarkan penemuan Audit Pemantauan Semakan 2 SIRIM QMS tahun 2017, terdapat tiga (3) isu/penemuan yang masih berulang sepertimana penemuan sama tahun 2014 hingga 2016 iaitu penentukuran peralatan penyelidikan, projek penyelidikan dan aduan pelanggan. — **Makluman**

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| | (f) meminta semua ahli mengambil perhatian mengenai:<br>(i) Status penutupan audit dalaman QMS, ISMS dan EMS tahun 2017 dan mengambil tindakan penutupan mengikut tempoh cadangan yang telah dinyatakan bagi setiap penemuan dalam PortalCQA;<br>(ii) Status maklum balas penemuan audit badan pensijilan QMS, ISMS dan EMS tahun 2017 dan mengambil tindakan dengan memajukan bukti pelaksanaan tindakan ke CQA selewatnya pada 21 Disember 2017 bagi NCR dan OFI bersyarat dan dalam tempoh sebulan sebelum audit badan pensijilan akan datang bagi OFI; dan<br>(iii) Isu/penemuan yang dijumpai di PTJ yang dilaporkan dan meminta tindakan pencegahan diambil oleh semua PTJ lain bagi memastikan isu/penemuan yang sama tidak berulang. | **Semua TWP PP, TWP PTJ** |
| **Minit 37.5** | **Pemantauan Pencapaian Prestasi Keseluruhan ISO 2017**<br>Mesyuarat: | |
| | (a) mengambil maklum Laporan Pemantauan Pencapaian Prestasi Keseluruhan ISO adalah sepertimana **Lampiran Agenda 6.0** yang dibentang. Pencapaian prestasi ISO 2017 diukur berdasarkan Objektif Kualiti QMS (merangkumi KPI UPM, Pelan Tindakan Peringkat Fungsian dan Aras dan Piagam Pelanggan), Objektif ISMS dan Objektif EMS. | **Makluman** |
| | (b) mengambil maklum laporan pencapaian prestasi ISO 2017 akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti kali Ke-38 pada 6 Februari 2018. Justeru, semua peneraju proses yang terlibat diminta mengemukakan laporan pencapaian masing-masing ke CQA selewatnya pada 26 Januari 2018. | **TWP ISMS, TWP EMS, TWP PP, PKPU** |
| | (c) mengambil maklum pelaporan pencapaian pelan fungsian dan aras buat kali pertama akan menggunakan laporan daripada Sistem Pelaporan Pelan Fungsian dan Aras Secara Atas Talian (e-LPFA) yang telah mula digunapakai bermula 13 Disember 2017. Mesyuarat meminta mana-mana peneraju proses yang ingin menamakan urusetia lain untuk membantu | **TWP PP** |

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| | proses penginputan data dalam sistem e-LPFA supaya menghantar nama pegawai yang terlibat (sekiranya perlu) kepada pihak CQA untuk tindakan selanjutnya. | |
| **Minit 37.6** | **Laporan Pelaksanaan Hari Kualiti dan Inovasi Perkhidmatan (HKIP) UPM 2017** | |
| | Mesyuarat: | |
| | (a) mengambil maklum Laporan Pelaksanaan Sambutan Hari Kualiti dan Inovasi Perkhidmatan (HKIP) Tahun 2017 yang telah diadakan pada 10 November 2017 adalah sepertimana **Lampiran Agenda 7.0** yang dibentang. | **Makluman** |
| | (b) mengambil perhatian beberapa cadangan penambahbaikan untuk pelaksanaan HKIP 2018 yang dijadualkan pada 2 November 2018 adalah seperti berikut: | **KBPKP CQA** |
| | (i) Mendapatkan tajaan daripada pihak UPM Holdings untuk hadiah/anugerah/piala pusingan; | |
| | (ii) Hadiah utama ditaja oleh pihak pengurusan Universiti; | |
| | (iii) Pemberian insentif kepada Pengacara Majlis. Pejabat Bursar diminta menyemak kesesuaian pelaksanaan cadangan ini untuk diselaraskan kepada semua majlis utama universiti bagi pelaksanaan bermula tahun 2018; | |
| | (iv) Keperluan maklumat untuk buku program bagi Anugerah Inovasi Perkhidmatan, Anugerah Kumpulan Inovatif dan Kreatif dan Anugerah Pengurusan Lean diserahkan lebih awal kepada peneraju anugerah; | |
| | (v) Rekabentuk buku program yang menggunapakai logo/ilustrasi tertentu perlu disemak dengan teliti bagi mengelakkan berlaku duplikasi dengan rekabentuk yang telah digunapakai oleh agensi/organisasi luar; | |
| | (vi) Keahlian setiap jawatankuasa induk turut melibatkan ahli di PTJ lain; | |
| | (vii) Menyemak protokol dan kebarangkalian risiko yang akan berlaku semasa pengemudian *drone* dalam sesuatu majlis rasmi universiti; | |

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| | (viii) Membuat penetapan pemberian anugerah hanya kepada projek/inovasi yang memperolehi markah minimum iaitu 80% hingga 100% sahaja yang layak menerima Anugerah;<br><br>(ix) Menambah bilangan pemenang bagi Anugerah Kualiti Persekitaran Tempat Kerja iaitu Pemenang Tempat Pertama, Kedua dan Ketiga bagi setiap Kategori;<br><br>(x) Menyemak semula pembahagian PTJ setiap kategori dengan melihat saiz PTJ terutama bagi Anugerah Kualiti Persekitaran Tempat Kerja dan Anugerah Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan;<br><br>(xi) Menukar pemberian hadiah pemenang Anugerah Pengurusan Laman Web bagi Tempat Pertama, Kedua dan Ketiga kepada pemenang PTJ terbaik mengikut kategori PTJ;<br><br>(xii) Menambah ahli Jawatankuasa Kecil penilaian bagi Hadiah Mencipta Tema iaitu keahlian dari Pejabat Naib Canselor dan Pejabat Strategi Korporat dan Komunikasi;<br><br>(xiii) Memasukkan nama peserta dalam penulisan sijil pemenang/penarafan bagi Anugerah Inovasi Perkhidmatan, Anugerah Kumpulan Inovatif dan Kreatif dan Anugerah Pengurusan Lean;<br><br>(xiv) Mewujudkan Jawatankuasa Kerja Sesi Pembentangan secara berpusat yang dianggotai oleh peneraju yang terlibat iaitu Pusat Jaminan Kualiti, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) dan Pejabat Pendaftar supaya agihan tugas dapat dibuat secara bersama bagi memastikan sesi pembentangan inovasi berjalan lancar; dan<br><br>(xv) Mencadangkan poster inovasi yang disediakan semasa HKIP untuk KIK, LEAN dan Inovasi Perkhidmatan dioptimumkan penggunaan/ manfaatnya melalui penyertaan pameran dalam program lain selepas HKIP sebagai salah satu ruang pembelajaran dan penghargaan kepada pempamer dan juga pekerja lain di UPM. | |
| | (c) mengambil maklum hasil inovasi daripada HKIP (Inovasi Perkhidmatan, KIK dan Lean) serta inovasi pengajaran dan pembelajaran di bawah kendalian Pusat Pembangunan Akademik akan dibukukan untuk rujukan semua staf. | **Makluman** |

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
|---|---|---|

(d) mengambil perhatian bahawa penelitian semula akan dibuat terhadap cadangan menggabungkan Anugerah Inovasi Pengajaran dan Pembelajaran bersama dengan Anugerah HKIP yang lain sempena Majlis HKIP 2018.

**KBPKP CQA, TWP CADe**

**Minit 37.7**

**Laporan Pelaksanaan Penarafan Bintang Pengurusan Pentadbiran 2017**

Mesyuarat:

(a) mengambil maklum Laporan Pelaksanaan Penarafan Bintang Pengurusan Pentadbiran Tahun 2017 adalah sepertimana **Lampiran Agenda 8.0** yang dibentang.

**Makluman**

(b) mengambil maklum penambahbaikan tahun 2017 yang telah dibuat bagi penarafan bintang pengurusan pentadbiran adalah seperti berikut:

**Makluman**

(i) Meneliti dan memantapkan kriteria anugerah dengan mengambilkira elemen penting sumbangan PTJ (berkaitan pengurusan pentadbiran) terhadap pencapaian KPI;

(ii) Meneliti kembali julat dan wajaran pemarkahan penarafan bintang; dan

(iii) Memantapkan keahlian Jawatankuasa Induk dan Jawatankuasa Kecil Peneraju Anugerah.

(c) mengambil maklum keputusan pemarkahan dan penarafan bintang tahun 2017 mengikut kategori PTJ adalah seperti berikut:

**Makluman**

| Kategori PTJ | Penarafan Bintang | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | 5 | 4 | 3 | 2 | 1 | Jumlah |
| Fakulti | 2 | 3 | 7 | 4 | 0 | 16 |
| Institut | 0 | 0 | 4 | 4 | 2 | 10 |
| Pusat | 0 | 4 | 6 | 8 | 2 | 20 |
| Pejabat/ Bahagian/ Sekolah/ Akademi/ Perkhidmatan | 1 | 4 | 7 | 4 | 2 | 18 |
| Kolej | 1 | 0 | 17 | 0 | 0 | 18 |

**Minit 37.8**

**Rancangan Tindakan Bagi Pengekalan Pensijilan ISO 2018**

Mesyuarat:

(a) mengambil maklum Rancangan Tindakan bagi Pengekalan Pensijilan ISO UPM Tahun 2018 adalah

**Makluman**

<table>
<tr><th>MINIT</th><th>AGENDA</th><th>TINDAKAN</th></tr>
<tr><td></td><td>sepertimana Lampiran Agenda 9.0 yang dibentang.<br><br>(b) meminta semua peneraju/PTJ mengambil perhatian terhadap aktiviti pengekalan pensijilan bagi ISO (QMS dan ISMS) adalah seperti berikut:
<table>
<tr><th>Aktiviti</th><th>Tarikh</th><th>Kumpulan Sasaran</th></tr>
<tr><td colspan="3">QMS</td></tr>
<tr><td rowspan="3">Awareness ISO 9001:2015</td><td>17 Januari 2018</td><td>Fakulti & Sekolah Pengajian Siswazah</td></tr>
<tr><td>18 Januari 2018</td><td>Institut dan Pusat</td></tr>
<tr><td>19 Januari 2018</td><td>Entiti Perkhidmatan</td></tr>
<tr><td rowspan="3">Bengkel Semakan dan Pengemaskinian Dokumen</td><td>23-24 Januari 2018</td><td>Pra Universiti, Pra Siswazah, Siswazah</td></tr>
<tr><td>25-26 Januari 2018</td><td>Perkhidmatan Sokongan</td></tr>
<tr><td>25-26 Januari 2018</td><td>Penyelidikan dan Inovasi</td></tr>
<tr><td rowspan="2">Latihan Juruaudit PTJ</td><td>29-30 Januari 2018</td><td>Fakulti</td></tr>
<tr><td>8-9 Februari 2018</td><td>Institut dan Entiti Perkhidmatan Sokongan</td></tr>
<tr><td colspan="3">ISMS</td></tr>
<tr><td>Taklimat Pemahaman Standard dan Perluasan Skop ISMS</td><td>22 Februari 2018</td><td>Ahli Jawatankuasa Kerja ISMS</td></tr>
<tr><td>Taklimat Perluasan Skop ISMS (Penilaian Pengajaran)</td><td>8-9 Mac 2018</td><td>Fakulti dan Peneraju ISMS yang terlibat dengan skop penilaian pengajaran</td></tr>
</table>
</td><td>TWP PP, TWP PTJ</td></tr>
<tr><td>Minit 37.9</td><td>Rancangan Pelaksanaan Tindakan Peralihan ISO 14001:2004 kepada ISO 14001:2015<br><br>Mesyuarat:<br><br>(a) mengambil maklum Rancangan Pelaksanaan Tindakan Peralihan ISO 14001:2004 kepada ISO 14001:2015 adalah sepertimana Lampiran Agenda 10.0 yang dibentang. Mesyuarat mengambil maklum proses peralihan standard baharu MS ISO 14001:2015 yang diberikan oleh pihak SIRIM adalah sehingga September 2018.</td><td>Makluman</td></tr>
</table>

<table>
<tr><th>MINIT</th><th>AGENDA</th><th>TINDAKAN</th></tr>
<tr><td></td><td>(b) meminta semua peneraju/PTJ mengambil perhatian terhadap aktiviti peralihan standard EMS adalah seperti berikut:
<table>
<tr><th>Aktiviti</th><th>Tarikh</th><th>Kumpulan Sasaran</th></tr>
<tr><td rowspan="5">Awareness ISO 14001:2015</td><td>10 April 2018</td><td>Ahli Mesy JK Kualiti</td></tr>
<tr><td>11 April 2018</td><td>Fakulti (Kluster Sains)</td></tr>
<tr><td>12 April 2018</td><td>Fakulti (Kluster Sains Sosial & Teknikal)</td></tr>
<tr><td>20 April 2018</td><td>Fakulti/ Peneraju/JK Kerja EMS/TPKD/ TPAD/TPLS/ TPKP</td></tr>
<tr><td>3 Mei 2018</td><td>Pegawai Kanan Universiti</td></tr>
<tr><td>Latihan Juruaudit Dalaman UPM/PTJ</td><td>5-6 Jun 2018</td><td>Fakulti (Kluster Sains, Sains Sosial, Teknikal) dan Peneraju EMS)</td></tr>
<tr><td>Semakan kendiri EMS PTJ/Peneraju</td><td>25-27 Jun 2018</td><td>Semua Fakulti, Pusat Asasi Sains Pertanian, Taman Pertanian Universiti dan Peneraju EMS</td></tr>
</table></td><td>TWP PP, TWP PTJ yang terlibat</td></tr>
<tr><td>Minit 37.10</td><td>Rancangan Pemantapan Pelaksanaan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) UPM 2018 dan Persediaan KIK UPM ke Konvensyen KIK Universiti Awam 2018<br><br>Mesyuarat:<br><br>(a) mengambil maklum Rancangan Pemantapan Pelaksanaan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) UPM 2018 dan Persediaan KIK UPM ke Konvensyen KIK Universiti Awam 2018 adalah sepertimana Lampiran Agenda 11.0 yang dibentang.<br><br>(b) mengambil maklum tujuan utama pelaksanaan inovasi dalam tugasan adalah:<br><br>(i) Penambahbaikan dalam pelaksanaan tugas seharian;</td><td>Makluman<br><br>Makluman</td></tr>
</table>

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| | (ii) Memudahkan tindakan dalam kerja dan kepuasan kerja pada diri sendiri;<br><br>(iii) Penjimatan, kerja berpasukan; dan<br><br>(iv) Meningkatkan kepuasan pelanggan. | |
| | (c) mengambil maklum pembaharuan tahun 2018 yang akan dilaksanakan adalah program *Walk The Talk* iaitu sesi perkongsian projek kumpulan KIK tahun 2017 sebagai panduan kepada kumpulan projek KIK yang bercadang untuk melaksanakan projek menggunakan pendekatan KIK dan latihan penilaian persembahan kumpulan projek. | **Makluman** |
| | (d) mengambil maklum Konvensyen KIK Universiti Awam akan dilaksanakan pada 14 hingga 16 Ogos 2018 dan menyasarkan untuk memperolehi Anugerah Projek Penarafan Emas bagi kumpulan KIK yang mewakili UPM. | **Makluman** |
| **Minit 37.11** | **Takwim Aktiviti Kualiti Tahun 2018**<br><br>Mesyuarat: | |
| | (a) mengambil maklum Takwim Aktiviti Kualiti UPM Tahun 2018 adalah sepertimana **Lampiran Agenda 12.0** yang dibentang yang merangkumi tarikh-tarikh bagi aktiviti berikut:<br><br>(i) Audit Dalaman;<br><br>(ii) Audit SIRIM;<br><br>(iii) Kuatkuasa Dokumen ISO;<br><br>(iv) Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti;<br><br>(v) Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan; dan<br><br>(vi) Hari Kualiti dan Inovasi Perkhidmatan. | **Makluman** |
| | (b) turut mengambil perhatian terhadap tarikh- terikh penting pelaksanaan aktiviti Hari Kualiti dan Inovasi Perkhidmatan dan Anugerah Penarafan Bintang Pengurusan Pentadbiran Tahun 2018 untuk rujukan semua PTJ. | **Makluman** |
| | (c) meminta semua PTJ memastikan tidak berlaku pentindihan aktiviti peringkat PTJ dengan aktiviti ISO yang telah dirancang bagi memastikan penglibatan pihak PTJ tidak terjejas. | **TWP PP, TWP PTJ** |

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| **Minit 37.12** | **Hal-hal Lain** | |
| | **37.12.1 Status Pelaksanaan Fail Meja Staf di UPM** | |
| | (a) Mesyuarat mengambil maklum pelaksanaan fail meja staf di UPM pada peringkat awal dilaksanakan dengan tujuan untuk penyertaan Anugerah Kualiti Perdana Menteri (AKPM) pada tahun . Bagaimanapun, setelah beberapa tahun pelaksanaan, ianya tidak lagi dilaksanakan secara konsisten di UPM. | **Makluman** |
| | (b) Mesyuarat bersetuju supaya pelaksanaan fail meja staf tidak perlu diteruskan lagi sebaliknya digantikan dengan medium lain yang lebih praktikal. Justeru, mesyuarat mencadangkan perkara ini perlu diteliti semula mengambilkira penambahbaikan yang boleh dilaksanakan berdasarkan pelaksanaan ISO di UPM. | **KBPKP CQA** |
| **Minit 37.13** | **Penangguhan Mesyuarat** | |
| | Pengerusi mengucapkan ribuan terima kasih sekali lagi kepada semua ahli mesyuarat yang hadir ke mesyuarat kali ini.<br><br>Mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.45 pagi dengan bacaan Tasbih Kaffarah dan Surah Al-Asr. | **Makluman** |

**Lampiran A**

**SENARAI KEHADIRAN**

| | | |
|---|---|---|
| Tarikh | : | 14 Disember 2017 (Khamis) |
| Masa | : | 9.00 Pagi |
| Tempat | : | Dewan Senat, Tingkat 1, Bangunan Canselori Putra, Universiti Putra Malaysia (UPM) |

**Kehadiran**

| BIL. | NAMA | JAWATAN/PTJ |
|---|---|---|
| 1. | Prof . Dr. Amin bin Ismail | Pengarah, Pusat Jaminan Kualiti/ Pengerusi Mesyuarat |
| 2. | Encik Mohd. Faizal bin Daud | TWP ISMS/ Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi |
| 3. | Encik Shahriman bin Hashim | TWP (PP) Pej. TNC (Penyelidikan dan Inovasi) |
| 4. | Puan Siti Rozana binti Supian | TWP (PP) Pej. TNC (Jaringan Industri dan Masyarakat) |
| 5. | Encik Amiruddin bin Abd Aziz | TWP(PP) Sekolah Pengajian Siswazah |
| 6. | Tuan Haji Suhaifi bin Sulaiman | TWP (PP) Pusat Asasi Sains Pertanian |
| 7. | Puan Hajjah Izariahwati binti Mohd Isa | TWP (PP) Pejabat Bendahari |
| 8. | Encik Rosmi bin Othman | TWP (PP) Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi |
| 9. | Tuan Haji Mohd. Nizan bin Jaafar | TWP (PP) Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset |
| 10. | Encik Mohd Khairul bin Zainal Abidin | TWP (PP) Pusat Kebudayaan dan Kesenian SSAAS |
| 11. | Encik Roslan bin Parjo | TWP (PP) Pusat Kesihatan Universiti |
| 12. | Encik Wan Mohd. Radzi bin Wan Ismail | TWP (PP) Pusat Islam |
| 13. | Encik Mohd Junaidi bin Hj Yasin | TWP (PP) Kolej Kediaman |
| 14. | Tuan Haji Abdul Ghafar bin Othman | TWP (PP) Taman Pertanian Universiti |
| 15. | Encik Mohd Sopian bin Mohd Zin | TWP (PTJ) Fakulti Perhutanan |
| 16. | Puan Zuraidah binti Ahmad | TWP (PTJ) Fakulti Pertanian |
| 17. | Encik Mustaffa bin Haji Dollah | TWP (PTJ) Fakulti Ekonomi dan Pengurusan |
| 18. | Encik Noor Mohamad bin Shakil Hameed | TWP (PTJ) Fakulti Kejuruteraan |
| 19. | Encik Mohd Fauzi bin Abdul Karim | TWP (PTJ) Fakulti Pengajian Pendidikan |

| BIL. | NAMA | JAWATAN/PTJ |
|---|---|---|
| 20. | Encik Nasrudin bin Yahya | TWP (PTJ) Fakulti Ekologi Manusia |
| 21. | Puan Salinah binti Junid | TWP (PTJ) Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi |
| 22. | Puan Wan Azma binti Wan Mohd Zin | TWP (PTJ) Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat |
| 23. | Puan Rina Mazni binti Musa | TWP (PTJ) Fakulti Pengajian Alam Sekitar |
| 24. | Encik Sudirman bin Asmadi (secara v.c.) | TWP (PTJ) Fakulti Sains Pertanian dan Makanan, UPMKB |
| 25. | Encik Mhd. Hussin bin Abd. Rahim | TWP (PTJ) Institut Biosains |
| 26. | Encik Mohd Nazri bin Mohd Nor | TWP (PTJ) Institut Penyelidikan Penuaan Malaysia |
| 27. | Puan Nurul Hidayah binti Samadi | TWP (PTJ) Institut Penyelidikan Matematik |
| 28. | Puan Nor Baizura binti Zamri | TWP (PTJ) Institut Kajian Dasar Pertanian dan Makanan |
| 29. | Cik Aidawati binti Ramali | TWP (PTJ) Institut Perhutanan Tropika dan Produk Hutan |
| 30. | Puan Sarah Salwah binti Adnan | TWP (PTJ) Institut Pertanian Tropika |
| 31. | Cik Salmee Suhana binti Hashim | TWP (PTJ) Pusat Pemajuan Kompetensi Bahasa |
| 32. | Puan Siti Fatimah bin Abdul Samad | Penyelaras Kepuasan Pelanggan Universiti (PKPU) |
| 33. | Puan Noorizai binti Haji Mohamad Noor | Pusat Jaminan Kualiti |
| 34. | Puan Nurhanisah binti Sadun | Pusat Jaminan Kualiti |
| 35. | Puan Shamriza binti Shari | Pegawai Kawalan Dokumen (PKD)<br>Pusat Jaminan Kualiti |

**Turut Hadir**

| BIL. | NAMA | JAWATAN/PTJ |
|---|---|---|
| 1. | Puan Norainakmal binti Kamal Bahrin | Wakil TWP (PP) Pejabat Naib Canselor |
| 2. | Puan Nabihah binti Abdol Razak | Wakil TWP (PP) Pej. TNC (Akademik dan Antarabangsa) |
| 3. | Puan Shamilah binti Samian | Wakil TWP (PP) Pej. TNC (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) |
| 4. | Cik Nur Fazrina binti Ismail | Wakil TWP (PP) Pejabat Pendaftar |
| 5. | Cik Siti Maryam binti Othman | Wakil TWP (PP) Pej. Penasihat Undang-Undang |
| 6. | Puan Siti Razimah binti Mohd Noor | Wakil TWP (PP) Perpustakaan Sultan Abdul Samad |

| BIL. | NAMA | JAWATAN/PTJ |
|---|---|---|
| 7. | Puan Nor Azirawani binti Man | Wakil TWP (PP) Pusat Pembangunan Akademik |
| 8. | DSP/PB Ahmad Razei bin Abu Bakar | Wakil TWP (PP) Bahagian Keselamatan |
| 9. | Encik Mohd Nidzam bin Ismail | Wakil TWP (PP) Bahagian Keselamatan |
| 10. | Puan Siti Fatimah binti Wahid | Wakil TWP (PP) Fakulti Perubatan Veterinar |
| 11. | Puan Dianna Watty binti Ibrahim | Wakil TWP (PP) Penerbit |
| 12. | Puan Norazlindawati binti Hashim | Wakil TWP (PTJ) Fakulti Sains dan Teknologi Makanan |
| 13. | Encik Mohd Khairi bin Hassan | Wakil TWP (PTJ) Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan |
| 14. | Puan Hirfarizan Mardianah binti Mohd Tahir | Wakil TWP (PTJ) Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul |
| 15. | Puan Norizanne binti Abd Rahim | Wakil TWP (PTJ) Institut Teknologi Maju |
| 16. | Puan Siti Khadijah binti Ahmad | Wakil Penyelaras Latihan Staf (PLS) |
| 17. | Puan Siti Nadirah binti Mat Naa'in | Wakil Pegawai Rekod Jabatan Universiti (PRJU) |
| 18. | Puan Wan Suzaimas binti Wan Sulaiman | Pejabat Bursar |
| 19. | Puan Rahiza binti Abu Hanipah | Kolej Kediaman |
| 20. | Puan Norshahila binti Md Shahril | Kolej Kediaman |

**Tidak Hadir (dengan kenyataan)**

| BIL. | NAMA | JAWATAN |
|---|---|---|
| 1. | Prof Madya Dr. Mohamad Amran bin Mohd. Salleh | TWP EMS/ Fakulti Kejuruteraan |
| 2. | Encik Mohd. Nazri bin Md. Yasin | TWP (PP) Pejabat Naib Canselor |
| 3. | Tuan Haji Rosdi bin Wah | TWP (PP) Pej. TNC (Akademik dan Antarabangsa) |
| 4. | Encik Nazri bin Noh | TWP (PP) Pej. TNC (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) |
| 5. | Puan Nor Adida binti Ab Khalid | TWP (PP) Pejabat Pendaftar |
| 6. | Encik Muhamad Adil bin Ahmad Tajuddin | TWP (PP) Pejabat Penasihat Undang-Undang |
| 7. | Encik Muzaffar Shah bin Kassim | TWP (PP) Perpustakaan Sultan Abdul Samad |
| 8. | Encik Ahmad Nizam bin Abdullah | TWP (PP) Pusat Pembangunan Akademik |
| 9. | Encik Mohd Zamanu Al-Mohtadi bin Ekhwan | TWP (PP) Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset |

| BIL. | NAMA | JAWATAN |
|---|---|---|
| 10. | Encik Ludinata bin Misnun | TWP (PP) Fakulti Perubatan Veterinar |
| 11. | Tuan Haji Abd. Razak bin Ahmad | TWP (PP) Penerbit |
| 12. | Puan Zainaf binti Udin | TWP (PTJ) Fakulti Sains dan Teknologi Makanan |
| 13. | Puan Fairuz Bawaze'er binti Muchtar | TWP (PTJ) Fakulti Sains |
| 14. | Tuan Haji Ab. Malek bin Simon | TWP (PTJ) Fakulti Rekabentuk dan Senibina |
| 15. | Tuan Haji Mohd. Aris Fadzillah bin Abdullah | TWP (PTJ) Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan |
| 16. | Tuan Haji Amran bin Zakaria | TWP (PTJ) Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul |
| 17. | Encik Din bin Ayub | TWP (PTJ) Institut Teknologi Maju |
| 18. | Puan Wan Nahariah binti Wan Tahir | TWP (PTJ) Institut Penyelidikan Produk Halal |
| 19. | Encik Zamre bin Yaacob | TWP (PTJ) Institut Pengajian Sains Sosial |
| 20. | Encik Mohd Faiz bin Zakaria | TWP (PTJ) Institut Kajian Perladangan |
| 21. | Puan Saliza binti Mustafa | TWP (PTJ) Pusat Antarabangsa |
| 22. | Cik Nor Azizah binti Tamsi | Penyelaras Latihan Staf (PLS) |
| 23. | Encik Muhazam bin Mansor | Pegawai Rekod Jabatan Universiti (PRJU) |
| 24. | Puan Rozi binti Tamin | Penyelaras Audit (PAD)<br>Pusat Jaminan Kualiti |
| 25. | Dr. Mohd Rafee bin Baharudin | Peneraju EMS, Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan |